

# Beberapa dakwaan diakui betul: PM

## Ada dakwaan disahkan betul

DARI MUKA 1

LANGKAWI, Selasa - Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, mengaku sesetengah dakwaan mengenai hubungannya dengan pelajar berusia 15 tahun adalah benar.

Pengakuan itu dibuat dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

"Dia (Rahim) mengatakan ada (dakwaan) yang betul dan ada yang tidak betul... tidak payahlah saya jelaskan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke ibu negara, malam ini.

Perdana Menteri tiba di sini semalam untuk mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong, yang melakukan lawatankerja tiga hari ke pulau peranginan ini, bermula semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan isu Rahim yang didakwa mempunyai hubungan dengan pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyifatkan pengakuan itu sebagai pendapat peribadi Rahim dan beliau perlu mendapatkan laporan polis yang sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan itu, untuk mendapatkan kepastian.

Mengulas tindakan Rahim menyerahkan kuasa kepada Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata:

"Saya baru dengar (mengenai penyerahan kuasa)... saya tidak tahu apa nak komen. Saya hendak tahu sebab apa (Rahim berbuat demikian)."

Ditanya adakah beliau bermaksud tidak bersetuju dengan tindakan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak bermaksud demikian sebaliknya beliau tidak akan bertindak sehingga mendapat semua bukti.

"Saya tidak kata saya tidak setuju. Saya tidak akan bertindak sehingga saya mendapat semua fakta. Jika dia (Pemuda Umno) tahu fakta, terserah kepada dia membuat keputusan. Bagi saya, saya bertindak berpandukan fakta," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, imej Umno tidak akan terjejas berikutan tindakan Rahim menyerahkan kuasa Ketua Pemuda Umno kepada Nazri kerana Umno bukan parti malaikat.

Menurutnya, seperti parti lain, Umno mempunyai ahli dari kalangan orang yang baik dan ada orang yang tidak baik.

"Dalam mana-mana parti pun, ada (orang yang baik dan tidak baik)... parti lain jangan berkata mereka tidak ada (orang sedemikian)," katanya.

Ditanya sama ada wajar Rahim bertindak demikian, Perdana Menteri

berkata: "Saya tidak berkata apa-apa... saya hanya tunggu sehingga mendapat kesahihan berkenaan perkara ini."

Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai keyakinan terhadap sesiapa saja yang dipilih sebagai Ketua Pemuda Umno termasuk Nazri.

Mengenai pertemuannya dengan Goh selama kira-kira dua jam, Perdana Menteri berkata perbincangan itu membabitkan perhubungan dua hala, isu al-Arqam, Perundingan Ekonomi

Asia Timur (EAEC) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Dr Mahathir berkata, usahawan Malaysia boleh menjalin kerjasama dengan peniaga di Singapura untuk melabur di negara ketiga.

Perdana Menteri berkata, pada peringkat awal kedua-dua pihak boleh bekerjasama dan bergabung melaksanakan projek di negara lain.

"Jika projek berkeuntungan besar, mereka boleh menubuhkan sebuah konsortium," katanya.